



Buletin MBMB

JULAI-DISEMBER 2023

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah **EDISI 2**



Melaka Heritage Festival 2023

PERCUMA



Imbas
Kod QR

Untuk mengakses
Buletin MBMB
dalam talian

Melaka Heritage Festival

3

Program Santai@BandaHilir

20

Program Bandaraya Penyayang MBMB 2023

23



Majlis Bandaraya
Melaka Bersejarah



mbmb.official



@MBMBOfficial



mb_melakabersejarah



MBMB Official



www.mbmb.gov.my



013-302 9700
(Aduan)



ISI KANDUNGAN

MELAKA HERITAGE CELEBRATION 2023	3
ANUGERAH DAN PENCAPAIAN	4-6
DIARI MBMB	7-10
PROGRAM-PROGRAM MBMB	11-27
MEDIA	28-29
MBMB CAKNA	30-31
KURSUS / LATIHAN / BENGKEL	32-33
PERSATUAN / KELAB MBMB	34-37
SEKALUNG BUDI	38
OPS PENGUATKUASA MBMB	39
KLIK KLIK MBMB	40



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Hj. Shadan Bin Hj. Othman
Datuk Bandar MBMB

PENGERUSI

Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh
Setiausaha Bandaraya MBMB

KETUA PENGARANG

Pn. Norfadzlina binti Mohammad Sharif
Pengarah Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti

PENGARANG

Pn. Syafrina binti Mohd Yusop
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti

PENOLONG PENGARANG

Pn. Suhaida binti Hj. Razab

JURUFOTO

En. Muhammad Syaiful bin Md Nasir
Pn. Nor Adila binti Amzah

EDITOR OLEH

Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti,
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,
Graha Makmur, No.1, Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hakcipta dan masalah daripada penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti.

REKABENTUK DAN CETAKAN OLEH

Era Gemilang Multitrade

“ JANGAN BIARKAN HATIMU BERASA SENANG DENGAN
PUJIAN DARIPADA ORANG LAIN, KERANA KAMU AKAN SEDIH DENGAN
KECAMAN MEREKA SUATU HARI NANTI ”

-IMAM AL-GHAZALI-



majlis.bandaraya.melaka



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Melaka Heritage Celebration 2023

9 Julai - Melaka Heritage Festival telah melabuhkan tirainya. Acara kemuncak Melaka Heritage Celebration 2023 disaksikan oleh ribuan pelancong dari luar dan dalam negeri Melaka.

Terima kasih diucapkan kepada semua agensi dan jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Melaka Heritage Celebration ini. Untuk makluman Program Melaka Heritage Celebration 2023 ini merupakan sebuah program yang disusun untuk penonton mengimbuai warisan keagungan Melaka Abad ke-15 yang berkonsepkan perarakan muzikal, lakon tari, nyanyian serta pergerakan teatrical, yang mana ia menggamit kembali nostalgia Kesultanan Melayu Melaka daripada kemunculan Parameswara, Sultan Muzaffar Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah, Sultan Mahmud Syah hinggalah legasi kita yang ada sekarang. Watak-watak utama yang ditampilkan adalah daripada selebriti-selebriti tempatan iaitu Vanidah Imran, Dato' Yusni Hamid, Ahsraf Muslim, Haziq AF4 dan Mohd Al-Juffri bin Jamari iaitu juara silat dunia.

Majlis ini dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Turut hadir YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, Tuan Yang Terutama Hermono, Duta Besar Indonesia, Mr. Luiz Enrique Vertiz, Duta Mexico bersama isteri, barisan EXCO-EXCO dan Timbalan EXCO Kerajaan Negeri Melaka, Ketua Agensi, Ahli-ahli Majlis MBMB, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit serta anggota MBMB.





ANUGERAH PENCAPAIAN PENGURUSAN SISA (WASTE MANAGEMENT ACHIEVEMENT AWARD)

2 Ogos - Tahniah MBMB di atas Anugerah Pencapaian Pengurusan Sisa (Waste Management Achievement Award) oleh Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM) yang telah berlangsung di Impiana Hotel, Ipoh, Perak.

Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak dan disaksikan oleh En. Ho De Leong, Pengerusi Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia kepada En. Moahzam bin Asari, Pengarah Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB. Turut hadir, Raja Muda Perak, Duli Yang Teramat

Mulia Raja Ja'afar ibni Almarhum Raja Muda Musa menyantuni penerima-penerima anugerah pada malam tersebut.

Anugerah ini adalah di atas sumbangan kepada pembangunan alam sekitar dalam komuniti melalui inisiatif yang dijalankan untuk kesedaran pemeliharaan alam sekitar di kalangan orang ramai.



ANUGERAH BAGI PROGRAM SANTAI@BANDAHILIR - MELAKA CAR FREE ZONE

MAJLIS BANGUNAN DAN MEWUJUDKAN PRODUK BARU PELANCONGAN

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) berjaya merangkul dua anugerah pada MTE 2023 Sustainable Development Goals International Awards and Expo

Gold Award dan Outstanding Award
Program Santai@Banda Hilir pada setiap hari Sabtu dari jam 6 petang hingga 12 tengah malam bermula 19 Ogos lalu

Keberkesanan inisiatif Melaka Car Free Zone atau Zon Bebas Kenderaan



27 Oktober - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah melalui Program Santai @Banda Hilir - Melaka Car Free Zone telah merangkul 2 anugerah bagi kategori Health and Wellbeing iaitu Gold Award dan Outstanding Award pada MTE Sustainable Development Goals International Awards and Expo. YAB Ketua Menteri Melaka telah menyampaikan sijil penghargaan tersebut kepada YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB pada Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka bagi bulan Oktober 2023 yang telah diadakan di Dewan Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Hadir sama Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan dan anggota MBMB.

Tahniah MBMB!!!





ANUGERAH AGENSI TERBAIK SEMPENA WORLD CLEAN UP DAY

17 November - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah merangkul Agensi Terbaik sempena *World Clean Up Day* bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan. Anugerah telah disampaikan oleh YB Tuan Hj Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan kepada YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman dan diiringi oleh YB Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi SW Corp. pada Majlis Malam Apresiasi Madani Cinta Bumi Sempena Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan (HKS) 2023 telah diadakan di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri,

Putrajaya. MBMB telah menerima hadiah kemenangan bernilai RM3,000.00.

Hadir sama Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Tn. Hj. Moahzam bin Asari, Pengarah Landskap dan Pengindahan Bandaraya, Pegawai-Pegawai Kanan serta anggota MBMB.

Tahniah MBMB!!!



KIK MBMB MENANG GOLD AWARDS



1 November - Telah berlangsung 48th International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) Beijing, China 2023 anjuran CAQ secara atas talian menggunakan Platform Zoom Meeting di mana 3 kumpulan mewakili Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Ketiga-tiga Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) tersebut adalah Kumpulan Traffic Management Engineering Team dengan projek Sistem Pintar Kawalan Trafik MBMB (SPIKTRA-M), Kumpulan Cool Unit dengan projek Tali Amaran Pintar dan Kumpulan IOT dengan projek Sistem Pengurusan Acara Elektronik (SPACE). Kesemua kumpulan telah merangkul Gold Awards di mana keputusan diumumkan sejourus peserta selesai pembentangan.

Tahniah diucapkan kepada semua kumpulan kerana telah mengharumkan nama MBMB!!!



TAHNIH MBMB DAN BABA HOUSE MELAKA !

24 November - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah melalui Baba House telah terpilih untuk mewakili Malaysia di Peringkat ASEAN bagi Anugerah Asean Sustainable Tourism Standard (Gastronomy) yang akan diadakan pada 26 Januari 2024 di Vientiane, Lao PDR bersempena ASEAN Tourism Forum 2024.

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka telah memberi penghargaan

kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mendapat beberapa pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan ASEAN pada Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka bagi Bulan November 2023 telah diadakan di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk

Bandar MBMB telah menerima plak penghargaan daripada Kerajaan Negeri Melaka sempena MBMB telah terpilih mewakili Malaysia bagi Anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard (2024-2026) dan menerima plak penghargaan penganugerahan Gold Awards di 48th International Convention Quality Control Circles (ICQCC) Beijing China

Tahniah dan syabas MBMB!

ANUGERAH PENARAFAN BANDAR PINTAR MALAYSIA (EARLY ADOPTER)



9 November - MBMB juga merupakan satu-satunya penerima kategori Majlis Bandaraya bagi pengiktirafan khas Anugerah Penghargaan SDG 11 bersempena dengan Penghargaan Bandar Mampan 2023, pada program Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2023 Peringkat Kebangsaan di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya di atas usaha giat di dalam pembangunan kemampanan

bandaraya di Bandar Melaka. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia (Early Adopter) bertujuan mengiktiraf PBT yang telah mencapai status bandar pintar berdasarkan tahap pencapaian pelaksanaan Bandar Pintar.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah menerima anugerah dan sijil

penghargaan daripada YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, KSU Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Hadir sama, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah!



LAWATAN SAMBIL BELAJAR PENGHUNI ORANG KELAINAN UPAYA TAMAN SINAR HARAPAN, TUANKU AMPUAN NAJIHA

10 Julai - Lawatan Sambil Belajar Penghuni Orang Kelainan Upaya (OKU) Taman Sinar Harapan, Tuanku Ampuan Najihah, Seremban, Negeri Sembilan ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Turut hadir YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Yang Berusaha, En. Riduan bin Baharon, Pengerusi Taman Sinar Harapan, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha MBMB, Ahli- ahli Majlis, Ketua-Ketua jabatan MBMB, guru-guru pengiring dan anak-anak istimewa.

Rombongan dibawa solat di Masjid Selat dan berjalan di sekitar Banda Hilir bagi melihat bangunan-bangunan bersejarah. Pada sebelah malam pula, mereka dibawa melawat ke Kg. Morten dan menaiki Melaka River Cruise.

Keesokan harinya diteruskan lagi dengan bersarapan pagi di Warung Capati bersama YB Tuan Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital merangkap ADUN Duyong.

Turut hadir Ketua Ahli Majlis MBMB, Clr. Abd. Razak bin Abu serta ahli- ahli Majlis MBMB. Rombongan juga dibawa ke Perkampungan Hang Tuah Melaka bagi mengimbu sejarah Hang Tuah lima bersaudara.

Terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program ini dan semoga anak-anak istimewa ini sentiasa diberikan kesihatan yang baik dan dipermudahkan urusan mereka.

KUNJUNG HORMAT DARIPADA FOREIGN AFFAIRS OFFICE, CHONGQING MUNICIPAL PEOPLE'S GOVERNMENT

1 Julai - Lawatan kunjung hormat daripada Foreign Affairs Office, Chongqing Municipal People's Government telah diadakan di Bilik Mesyuarat Datuk Bandar MBMB.

Lawatan tersebut disertai oleh 6 orang delegasi yang diketuai oleh Madam Lu Agong, Standing Member of the CPC Chongqing Committee, Chief Of the United Front Work Department of the COV Chongqing Committee.

Turut hadir YB Datuk Hj. Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, YB Datuk Lim Ban Hong, ADUN Klebang merangkap Penasihat Pelaburan dan Hal Ehwal China Kepada YAB Ketua Menteri Melaka, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, dan Pengarah Perancang Bandar, TPr. Pn. Zuhaila binti Ahmad Zubel.



LAWATAN RASMI & MESYUARAT JAWATANKUASA LALU LINTAS DAN PENGANGKUTAN MBMB BIL 7/2023

23-26 Julai - Lawatan Rasmi dan Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas dan Pengangkutan MBMB Bil 7/2023 telah diadakan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) Sabah pada 23 hingga 25 Julai 2023.

Delegasi ini diketuai oleh Clr. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB dan turut hadir Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai kanan serta 24 orang anggota MBMB. Lawatan rasmi ini bertujuan perkongsian maklumat berkenaan pengurusan lalulintas di kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan juga Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Delegasi juga dibawa melawat tempat tarikan di Kota Kinabalu iaitu Kawasan Air Panas Poring, Desa Dairy Farm, dan Sg. Morali Kelah Sanctuary.



KUNJUNG HORMAT SEMPENA LAWATAN DELEGASI SINA SHAANXI DAN SINA SILK ROAD CHANNEL



4 Ogos - Kunjung Hormat Sempena Lawatan Delegasi Sina Shaanxi dan Sina Silk Road Channel telah diadakan di Akademi Pembelajaran Han Malaysia di Bukit Katil, Melaka.

Delegasi seramai 5 orang diketuai oleh Mr. Liu Zhen, Editor-in-Chief of Sina Shaanxi. YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB hadir sama bagi mengalu-alukan kedatangan delegasi tersebut bersama-sama Pegawai Kanan MBMB dan wakil dari Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka. Tujuan kunjungan ini adalah bagi membincangkan perancangan aktiviti laman sesawang secara dua hala bersama Bandaraya Melaka Bersejarah sempena ulang tahun ke 50 hubungan diplomatik Malaysia China pada tahun 2024.

LAWATAN KERJA DARI MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

18 September - Lawatan Kerja daripada Majlis Perbandaran Kemaman telah diadakan di Auditorium MBMB.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk berkongsi ilmu berkaitan pengurusan pembersihan awam dan penyelenggaraan jalan negeri (Marris).

Delegasi seramai 12 orang ini diketuai oleh En. Mazlan bin Mamat, Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kemaman. Taklimat telah disampaikan oleh En. Mazlan bin Said, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan MBMB dan En. Mohd Faizal bin Rashid, Ketua Inspektor Kesihatan, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB.

Terima kasih Majlis Perbandaran Kemaman!



LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS) KE MBMB

25 Oktober - Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Selayang (MPS) ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Anjung Makmur, MBMB.

Delegasi seramai 46 orang ini telah diketuai oleh Tuan Ahmad Faisal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS. Taklimat telah disampaikan oleh En. Irwan bin Samat, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBMB dengan tajuk Pemakai Serta Kuasa-kuasa Warden Trafik di MBMB.

Para delegasi juga turut dibawa ke Bilik Sumber SPiKTRA-M. Taklimat mengenai Sistem Kawalan Pintar MBMB (SPiKTRA-M) telah disampaikan oleh Ir. Ts. Harmidi bin Ali, Jurutera MBMB.

Terima kasih MP Selayang! Semoga perkongsian ilmu ini memberi manfaat untuk semua.



KUNJUNG HORMAT SUWON SPECIAL CITY COUNCIL KE MBMB



12 Oktober - Delegasi daripada Suwon City Special yang diketuai oleh YBhg. Kim Ki Jeong, Datuk Bandar Suwon Special City Council bersama-sama 17 orang delegasi yang lain telah mengadakan kunjungan hormat ke MBMB.

Hadir sama YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh bagi menyambut kedatangan delegasi ini sebagai tanda persahabatan antara bandaraya.

Delegasi juga turut dibawa Melawat ke Bilik Spiktra-M bagi melihat Projek Sistem Pintar Kawalan Trafik MBMB.

LAWATAN KERJA DARIPADA DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

3 Oktober - Dewan Bandaraya Kuching Utara telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang telah diadakan di Auditorium MBMB.

Delegasi seramai 14 orang diketuai oleh Pn. Kartini Bushra, Timbalan Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Korporat, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).

Taklimat berkenaan Pelan Perancangan Strategik telah disampaikan oleh Ts. Adi Asharie bin Sani, Pengarah Teknologi Maklumat MBMB, Tn. Hj. Mohd Hisham bin Tambi Ahmad, Pengarah Kewangan dengan tajuk Pengurusan Aset dan Pengurusan Kebajikan Kakitangan oleh Cik Nurazira binti Abd Razak, Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan dan Sumber Manusia MBMB.

Terima kasih DBKU !!!



LAWATAN KERJA OLEH MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

16 November - Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke MBMB bagi tujuan perkongsian maklumat mengenai Penyelenggaraan dan Pelaksanaan Projek di Kawasan Tapak Pelancongan Bandaraya Warisan Dunia yang telah disampaikan oleh En. Mohd Sam bin Hj. Ahmad, Ketua Penolong Jurutera, MBMB.

Delegasi seramai 27 orang ini diketuai oleh En. Ahmad Jamzuri bin Mujani, Pengarah Jabatan Kejuruteraan dari Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Semoga ilmu yang dikongsikan bermanfaat kepada kedua-dua PBT.



LAWATAN KERJA OLEH MAJLIS PERBANDARAN KANGAR



23 November - Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kangar ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Bagi Pengurusan Tapak Semaian, Aset Hidup, Penyelenggaraan Landskap dan Pokok Teduhan telah dijalankan di Tapak Semaian, MBMB.

Delegasi MP Kangar seramai 20 orang ini telah diketuai oleh Puan Nor Asma binti Noordin; Pengarah Jabatan Landskap dan Senitaman MPK dan taklimat telah disampaikan oleh Encik Moahzam bin Asari; Pengarah Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB.

Terima kasih MP Kangar!



LAWATAN PENANDA ARAS OLEH MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

11 September - Lawatan Penanda Aras oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkaitan Pembersihan Awam, Pengurusan Sisa Pepejal di kawasan pelancongan telah diadakan di Auditorium MBMB.

Delegasi seramai 40 orang yang diketuai oleh YBhg. Dato Azhar bin Hj. Arshad, Datuk Bandar MBSP telah disambut oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB diiringi Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya.

Taklimat telah disampaikan oleh LAr. Faidzul Shawqy bin Iberahim, Arkitek Landskap, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB. Delegasi jua turut dibawa ke Taman Bandaraya Bukit Serindit sebagai salah satu taman rekreasi utk org awam di Melaka.





TN. AHMAD AZLAN BIN AHMAD SALLEH, SETIAUSAHA BANDARAYA MBMB YANG BAHARU

Tahniah diucapkan kepada Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh di atas pelantikan sebagai Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang baharu.

Selamat datang dan selamat menjalankan tugas!

MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN

6 Julai - Telah berlangsung Ceramah Kesihatan sempena Minggu Promosi Kesihatan Pergigian di Dewan Taming Sari, MBMB. Program Pemeriksaan Saringan Kanser juga dilaksanakan secara percuma khas bagi anggota MBMB.

Ujian Darah untuk *Cancer Marker* ini bagi menentukan jenis kanser yang boleh dihadapi oleh golongan wanita atau lelaki. Program ini adalah kerjasama Innovating Biotechnology Melaka.

Turut hadir, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB yang turut melakukan ujian darah untuk *Cancer Marker*.





MAJLIS SANJUNGAN BUDI SEMARAK KASIH MBMB

18 Julai - Majlis Sanjungan Budi, Semarak Kasih telah diadakan di Hotel Hatten, Melaka. Majlis ini didedikasikan khas untuk meraikan bakal pesara dan anggota yang telah berkhidmat selama 20 tahun di MBMB.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan, Perumahan,

Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, En. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ahli-ahli Majlis dan Ketua- ketua Jabatan serta Unit dan anggota MBMB yang diraikan.

Seramai 19 orang anggota akan bersara wajib dan pilihan serta 24 orang anggota yang telah berkhidmat 20 tahun pada tahun ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua. Sesungguhnya budi dan khidmat bakti kalian amatlah dihargai.

PERTANDINGAN MELUKIS KANAK-KANAK ICOMOS MALAYSIA

8 Julai - Pertandingan Melukis Kanak-Kanak ICOMOS Malaysia telah diadakan sempena Sambutan Ulangtahun ke-15 Melaka Bandaraya Warisan Dunia - UNESCO bertempat di Jalan Kota, Banda Hilir (berhadapan Bastion House).

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Leng Chau Yen, Timbalan EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dan beliau telah menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Melukis tersebut. Hadir sama Ar. Tiong Kian Boon, Presiden ICOMOS Malaysia, Ahli-ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Pertandingan diurusetikan oleh Jabatan Kawalan Bangunan MBMB dan membawakan tema Selamatkan Warisan Kita. Ia terbahagi kepada 2 kategori iaitu Kategori A (7-9 tahun) dan Kategori B (10-12 tahun).

Tahniah kepada semua peserta!!!





MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SANTAI@SUNGAI MELAKA

18 Julai - Majlis Perasmian Program Santai@Sg. Melaka telah diadakan di MBMB SDG Park, Sungai Melaka Fasa 2, Plaza Melaka Sentral.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Turut hadir En. Azamanizam bin Baharon, Timbalan Presiden R1 Malaysia, Lim Sze Koon,

Naib Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka, En. Amirul Aizat Abu Bakar, Timbalan Presiden Active Nation Malaysia, En. Abd. Razak bin Abu,

Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua Jabatan dan Unit, Pegawai-pegawai Kanan dan anggota MBMB.

Telah berlangsung juga Program Jalan-jalan Malam Warisan yang disertai lebih daripada 800 orang yang turut berpakaian warisan berjalan kaki sejauh 3km sepanjang Sungai Melaka.

Tahniah kepada semua yang terlibat !!!



PERBARISAN KONTINJEN MBMB SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-66

31 Ogos - YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB menyantuni anggota yang terlibat dengan perbarisan dan berkesempatan memberi kata-kata semangat kepada mereka. Syabas kontinjen MBMB!!!

Perbarisan oleh kontinjen MBMB diketuai oleh Abdul Mutahir daripada Jabatan Penguatkuasaan MBMB dengan kekuatan seramai 100 orang pegawai dan anggota. Pakaian berwarna merah, biru dan kuning lambang warna bendera Malaysia.

MBMB telah memenangi :

- i. Johan pakaian terbaik
- ii. Naib Johan Placard terbaik
- iii. Naib Johan Kreativiti terbaik
- iv. Tempat Ketiga Kawad terbaik





PROGRAM AMBANG KEMERDEKAAN 2023 ANJURAN PERSATUAN KENDERAAN KERETA TUNDA

30 Ogos - Program Ambang Kemerdekaan 2023 anjuran Persatuan Kenderaan Kereta Tunda telah diadakan di Stadium Hang Jebat .

Terdapat lebih 50 buah kereta tunda berkumpul bagi meraikan malam ambang kemerdekaan bersama-sama dengan masyarakat di DUN Paya Rumput.

Turut hadir YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin,

EXCO Kanan Perumahan , Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB , Ahli Majlis MBMB , Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha MBMB , En. Khawari Fazmi, SU Japerun Paya Rumput serta Ketua-Ketua Jabatan MBMB.

MERDEKA !!!



VIPER CHALLENGE VIPER ARENA 2023



26 Ogos - Viper Challenge Viper Arena 2023 telah berlangsung di Stadium Hang Jebat , Melaka. Program ini merupakan anjuran Syarikat Hamburger Asia Sdn Bhd.

Viper challenge ini merupakan aktiviti runaway di mana peserta perlu melalui beberapa halangan sebelum sampai ke garisan penamat.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman , Datuk

Bandar MBMB membuat pelepasan kepada peserta dan hadir sama Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB.

Walaupun keadaan cuaca sedikit lembab namun peserta tidak berputus asa menghabiskan cabaran dan halangan yang disediakan .

Tahniah dan syabas kepada semua peserta Viper Challenge 2023 !!!



MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2023 DAN KONSERT GEGAU MERDEKA

5 Ogos - Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 Peringkat Negeri Melaka dan Konsert Gegau Merdeka telah berlangsung di Dataran Bandaraya MBMB.

Majlis ini dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri

Melaka, Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, barisan Dif-Dif kehormat serta YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB dan pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Persembahan memukau yang diiringi kombo

MBMB dan diketuai oleh Saudara Asry Hasan daripada Melaka FM menampilkan artis ternama tanah air seperti Dato' Nash, Ramlah Ram, Marsha Milan, Naqiu, Afieq Syazwan, Santesh, Mariam Ahmad, Tia Jinbara, P. Radhi, Daniel Lee, Along Asyraff & Ayu, Umar Uzair dan Suffian Khirham. Turut memeriahkan konsert tersebut pengacara Izzue Islam dan DJ Fazz.

SIMULASI RECREATIONAL VEHICLE PARK



12 Ogos - Nantikan satu lagi tarikan di kawasan pentadbiran MBMB sempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024)!!!

Simulasi Recreational Vehicle Park telah diadakan di Taman Bandaraya Bukit Serindit. Program pada malam ini disertai oleh 15 buah caravan yang melibatkan seramai 40 orang peserta.

Turut hadir YB Tuan Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Cir. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua jabatan, Pegawai-pegawai Kanan dan anggota MBMB.

Hadir sama, Tn. Hj. Yusof bin Haron, Presiden Persatuan Caravan Melaka dan En. Farman bin Othman, Presiden Persatuan Campervan dan Motorhome Malaysia.

Semoga program ini berjaya dilaksanakan menjelang bulan Oktober ini. Nantikannnnn!!!



POGRAM KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MBMB

16 Ogos - Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Bil 5/2023 dan Program Kibar Jalur Gemilang Peringkat MBMB telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Majlis ini dihadiri oleh YB Datuk Hj. Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan

Pengurusan Bencana Negeri Melaka serta timbalannya YB Tuan Hj. Zulkifli bin Datuk Seri Mohd Zin. Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ketua Ahli Majlis MBMB, Clr. Abd Razak bin Abu, ahli-ahli Majlis, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua Jabatan dan anggota MBMB. Telah berlangsung juga sesi penyerahan bendera kepada semua barisan Ahli

Majlis dan Ketua Jabatan bagi menyemai dan menyemarakkan semangat patriotisme di dalam diri masing-masing. Sesi meletakkan bendera di kenderaan MBMB juga telah berlangsung di parkir berbumbung oleh barisan Dif kehormat.

Sama-samalah kita mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda cintakan negara kita, Malaysia.

SEMINAR PENGURUSAN STRATA 2023

21 Ogos - Seminar Pengurusan Strata 2023 di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. turut hadir Clr. Juhari bin Ahmad Salleh, Ahli Majlis MBMB dan Sr. Hj. Mohd Nasir bin Bakri, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MBMB

Seminar ini melibatkan sejumlah 180 orang pegawai COB dan taklimat telah diberikan oleh En. Mohd Yusnaidi bin Salleh, Penolong Pengarah COB Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi tajuk Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan JMB/MC dan taklimat kedua oleh Encik Palaniappan A/L S. Murugan, Pegawai Undang-undang COB Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pada sebelah petang pula telah diadakan Forum Tatabcara Pengurusan Caj dan Proses Tindakan Tribunal.





KONVOI KEMBARA MERDEKA SERI SETIA TAHUN 2023



19 Ogos - Konvoi Kembara Merdeka Seri Setia Tahun 2023 telah bermula di Dataran Bandaraya MBMB.

Terima kasih kepada semua agensi-agensis yang terlibat ; Polis Diraja Malaysia Melaka, Jabatan Pengangkutan Jalan Melaka, Ban Zen Motors Sdn Bhd, Angkatan Pertahanan Awam Negeri Melaka, rakan2 PBT, Jabatan Penerangan Negeri Melaka, Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, SW Corp, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Jabatan Penyiaran Negeri Melaka dan petugas yang terlibat yang telah berada di lokasi dari jam 5.00 pagi tadi sehingga tamat pada jam 6.00 petang di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Banda Hilir, Melaka.

Sebanyak 258 orang penunggang motosikal berkuasa tinggi dan rendah menyertai konvoi sejauh 277.4 KM mengelilingi kesemua kawasan Dewan Undangan Negeri Melaka yang diketuai oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, diiringi YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman serta peserta-peserta konvoi.

Flag-Off Konvoi Kembara Merdeka Seri Setia telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka, YB Tuan Adam Adli bin Abd Halim, Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya dan Ctr. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB di Dataran Bandaraya MBMB. Luanan kembara adalah seperti berikut :

OFF
DATARAN BANDARAYA, MBMB

CHECKPOINT 1
MPJ (DATARAN ORANG KAMPUNG MERLIMAU)

CHECKPOINT 2
MPHTJ (MASJID AL-ALAMI , MITC)

CHECKPOINT 3
MPAG (VILLA D'AQUA)

PENAMAT
MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN, BANDA HILIR, MELAKA

Konvoi diteruskan ke seluruh PBT di Malaysia secara berperingkat dan MBMB adalah sebagai urusetia program.



PROGRAM QIAMULLAIL DAN SOLAT HAJAT KEAMANAN PALESTIN



22 Oktober - Program Qiamullail dan Solat Hajat Keamanan Palestin telah diadakan di Majlis Azim, Bukit Palah, Melaka .

Hadir sama YB Datuk Rahmad bin Mariman , EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka mewakili YAB Ketua Menteri Melaka . Turut hadir YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB , Ketua-ketua Agensi Negeri Melaka , Ahli-ahli Majlis MBMB, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan dan para jemaah yang

mengimarahkan masjid pada pagi ini.

En. Amirul Syakirin Abdul Rasid, Pengurus Aman Palestin Cawangan Melaka turut memberikan taklimat berkenaan isu Palestin. Turut diadakan penyampaian sumbangan sebanyak RM10,000 daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang disalurkan kepada Aman Palestin bagi membantu Gaza yang sedang dilanda musibah. Semoga umat Islam di Palestin diberikan kesejahteraan dan sentiasa dilindungi Allah



SOLIDARITI PALESTIN



13 Oktober - Orang ramai berkumpul di perkarangan Dataran Bandaraya MBMB bagi menyatakan solidariti terhadap Palestin.

Bangunan MBMB juga dinyalakan lampu berwarna bendera Palestin bagi menyatakan aspirasi seluruh warga kerja MBMB yang mengutuk tindakan kejam Israel.

Turut hadir YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital serta YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman bersama-sama keluarga beliau serta orang awam yang turut membawa bendera Palestin sebagai tanda solidariti.





KONVOI JEMPUTAN TAHUN MELAWAT MELAKA 2024 (TMM 2024)



19 November - Konvoi Jemputan Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024) membuka tirainya dimulai dengan penanaman pokok Melaka di Majlis Perbandaran Manjung yang mana telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, merangkap Presiden MALA, Tn. Syamsul Hazeman bin Md Salleh, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Manjung, TPr. Saifuddin bin Ab Karim, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Alor Gajah. Hadir sama, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB dan En. Mohd

Helmi bin Ariffin, Setiausaha Majlis Perbandaran Manjung. Program ini adalah kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka di mana pada hari ini anggota Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Alor Gajah turut bersama-sama pada sesi penanaman pokok ini.

yang akan diadakan pada Januari 2024 kepada semua PBT di Malaysia.

Konvoi diteruskan ke seluruh PBT di Malaysia secara berperingkat dan MBMB adalah sebagai urusetia program.

Konvoi Jemputan TMM 2024 bertujuan menyampaikan bahan-bahan promosi sepanjang Tahun Melawat Melaka 2024 serta surat jemputan Pesta Gendang Nusantara 2024 anjuran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Antaranya Majlis Perbandaran Kota Bharu, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Majlis Bandaraya Johor Bharu, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Perbandaran Kajang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Port Dickson.



Pelepasan Konvoi TMM 2024



Majlis Perbandaran Bentong



Majlis Bandaraya Johor Bharu



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Majlis Perbandaran Kota Bharu



Majlis Perbandaran Kemaman



Majlis Perbandaran Manjung



Majlis Bandaraya Seberang Perai



Majlis Perbandaran Alor Setar




Majlis Perbandaran Kajang



Majlis Perbandaran Port Dickson

PROGRAM *Santai*@BANDAHILIR



Program *Santai@Bandahilir* diadakan bersempena Zon Bebas Kenderaan bermula daripada 19 Ogos 2023, setiap hari Sabtu, mulai jam 6.00 petang hingga 12 tengah malam. Ini merupakan salah satu buah tangan dari MBMB dalam menyahut seruan Kerajaan Negeri Melaka ke arah Tahun Melawat Melaka 2024.

Program *santai@bandahilir* ini diadakan di hadapan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan dengan aktiviti *pocket show* seperti *buskers*, persembahan kebudayaan daripada agensi-agensi kebudayaan negeri Melaka seperti INSWA dan

JKNN yang turut sama memeriahkan suasana di sekitar Banda Hilir.

Bukan itu sahaja, MBMB turut menyediakan aktiviti *Zumba*, *Fun Run n Ride*, konsert daripada artis tempatan serta pelbagai lagi aktiviti yang telah diatur bagi menarik penglibatan pengunjung dan pelancong daripada kanak-kanak hingga warga emas. Impak daripada *Car Free Zone* ini juga, dapat membantu peniaga-peniaga di sekitar Banda Hilir untuk melanjutkan operasi perniagaan hingga tengah malam dan dapat menjana pendapatan.

Para pengunjung juga dapat merasai suasana berjalan di atas jalan raya yang amat sibuk terutama hujung minggu dan cuti persekolahan. Ini kerana kenderaan yang dibenarkan hanyalah kenderaan mikromobiliti seperti *e-trike*, *e-scooter* dan pelbagai lagi. Tahniah dan syabas diucapkan kepada MBMB selaku tuan rumah serta agensi-agensi yang turut sama dalam menayakan program ini pada setiap hujung minggu.

Mana lagi, Melaka ler!





OPERASI BANDARAYA EKOSISTEM BERSIH ASPIRASI SEMUA (BEBAS)



Operasi Bandaraya Ekosistem Bersih Aspirasi Semua (BEBAS) merupakan satu salah langkah dan usaha MBMB dalam mendidik warga bandaraya terutamanya bagi menjaga kebersihan di kawasan perumahan, tempat-tempat awam dan kawasan persekitaran. Urusetia operasi ini adalah Jabatan Lanskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB. Operasi ini akan diketuai oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad

Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, ketua-ketua jabatan dan anggota-anggota MBMB. YBhg. Datuk dan anggota-anggota MBMB akan turut serta mengutip sampah sarap di tepi-tepi jalan dan dalam masa yang sama juga akan dijalankan tindakan penguatkuasaan kepada mereka yang ingkar arahan dan membiarkan premis dalam keadaan kotor. Sebelum tindakan penguatkuasaan dijalankan, hebahan akan dijalankan oleh jabatan terlibat supaya penduduk peka dengan amaran

kebersihan sebelum kompaun dikeluarkan. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan di kawasan persekitaran dengan tidak membuang sampah di luar tong sampah yang telah disediakan. Tindakan penguatkuasaan terhadap orang awam yang menyalahi undang-undang berkaitan kebersihan di tempat awam akan dilaksanakan tanpa kompromi. Operasi ini diadakan setiap minggu atau mengikut keperluan.



PROGRAM BANDARAYA PENYAYANG MBMB 2023

Program Bandaraya Penyayang MBMB merupakan salah satu inisiatif MBMB sempena Sambutan Ulang Tahun Melaka Bandaraya Bersejarah Ke-20 dalam membantu warga bandaraya yang kurang berkemampuan. Program ini akan menyediakan sumbangan berjumlah RM20,000.00 melalui peruntukan KPKT bagi tujuan pembaikan rumah manakala MBMB menyumbang sebanyak RM3,000.00 untuk barang-barang keperluan. Program ini diadakan di setiap dun dalam kawasan pentadbiran MBMB dan dipilih di kalangan mereka yang kurang berkemampuan.

Setiap jabatan dalam MBMB akan diberikan sebuah rumah angkat untuk anggota-anggota bersama-sama membersihkan dan menyantuni keluarga terlibat. Penglibatan bersama YB EXCO, YB ADUN kawasan dan pengurusan tertinggi MBMB pada setiap majlis yang diadakan juga amatlah dihargai di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahmi terutama dengan penghuni rumah yang diraikan. Semoga program sebegini dapat memberi impak yang besar kepada perkhidmatan MBMB dalam usaha membantu warga bandaraya yang memerlukan bantuan.



27 Julai 2023 : Dun Sungai Udang
Penerima : En. Noorazlin bin Baharom



15 Ogos 2023 : Dun Duyong
Penerima : En. Maslan bin Ismail



17 Ogos 2023 : Dun Pantai Kundur
Penerima : Puan Zubaidah binti Zainal Abidin



17 Ogos 2023 : Dun Pengkalan Batu
Penerima : Encik Abu Bakar bin Wahid



25 Ogos 2023 : Dun Bukit Katil
Penerima : Encik Yusri bin Ramli



25 Ogos 2023 : Dun Kesidang
Penerima : Puan Nuriah binti Abd Rahman



30 Ogos 2023 : Dun Banda Hilir
Penerima : Puan Rozila binti Ab Rahim



1 September 2023 : Dun Kota Laksamana
Penerima : Encik Mohamed Saleh bin Abu



4 September 2023 : Dun Klebang
Penerima : Puan Zaitun binti Haron



21 September 2023 : Dun Telok Mas
Penerima : Encik Ong Chiew Kim

PROGRAM GENERASI WAWASAN MBMB



MBMB mula mengambil inisiatif menganjurkan Program Generasi Wawasan selaras dengan pelaksanaan Dasar Komuniti Negara tahun 2019, Kluster ke-2 iaitu Kebersihan, Alam sekitar dan kesihatan, yang mana pihak Kerajaan telah menekankan bahawa komuniti setempat perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga alam sekitar di mana tanggungjawab ini bukan hanya terletak pada bahu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), malahan ianya memerlukan kerjasama dan perpaduan yang erat di kalangan komuniti di pelbagai peringkat umur termasuklah murid-murid sekolah.

Objektif utama program adalah bagi menjalinkan hubungan dua hala antara Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan pihak pendidikan terutamanya pelajar-pelajar sekolah. Ianya juga dapat menyemai dan memupuk amalan menjaga kebersihan bermula daripada sekolah dan diperkukuhkan serta diperkembangkan di rumah kediaman agar dapat menjadi amalan sepanjang hayat. Dari sudut kesihatan dan keselamatan pula, penekanan awal ini dapat memberi pengetahuan kepada para pelajar mengenai langkah-langkah pencegahan jenayah dan penyakit berjangkit. Sehingga kini MBMB telah bekerjasama dengan

beberapa agensi utama iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Polis, AADK, Jabatan Bomba dan lain-lain agensi terlibat.

Dalam program ini, MBMB telah menyerahkan satu rak Generasi Wawasan beserta info-info berkaitan untuk bacaan dan informasi kepada murid-murid sekolah serta 30 batang pokok renek yang akan di tanam dalam kawasan sekolah-sekolah yang terlibat di setiap dun. Semoga inisiatif dan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat digunakan oleh pihak sekolah untuk kegunaan bersama.

DUN TELOK MAS



5 JULAI 2023

SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG TEMU

DUN PAYA RUMPUT



14 OGOS 2023

SEKOLAH KEBANGSAAN PAYA RUMPUT

DUN SUNGAI UDANG



21 OGOS 2023

SEK. MEN. KEB. KEM TERENDAK

DUN PENGKALAN BATU



5 SEPTEMBER 2023

SEKOLAH KEBANGSAAN PERINGGIT MELAKA

DUN AYER MOLEK



6 NOVEMBER 2023

SEKOLAH KEBANGSAAN AYER MOLEK

DUN KESIDANG



20 NOVEMBER 2023

SEKOLAH KEBANGSAAN LIMBONGAN



MAJLIS PEMIMPIN BERSAMA PENDUDUK TAMAN PERTAM JAYA

3 September - YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, telah menghadiri Majlis Pemimpin bersama Penduduk Taman Pertam Jaya yang telah dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Taman Pertam Jaya, Melaka.

Pertemuan kali ini bertujuan mendengar permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Taman Pertam Jaya bagi mencari jalan

penyelesaian bagi setiap permasalahan yang diajukan. Turut hadir YB Tuan Khoo Poay Tiong Ahli Parlimen Kota Melaka, Tuan Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, En. Teo Che Siang, Pengerusi Taman Pertam Jaya serta agensi kerajaan diantaranya, Jabatan Ketua Menteri Melaka, Pos Malaysia Berhad, SWCorp, Syarikat Air Melaka Berhad dan Polis Diraja Malaysia.



HARI BERTEMU PELANGGAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH 2023



12 September - Hari Bertemu Pelanggan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah 2023 telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Taming Sari, MBMB.

Program ini telah dirasmikan oleh Clr. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, serta hadir sama Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit MBMB serta anggota MBMB. Turut hadir, Pengarah SW Corp, Tn. Khairuladha bin Ab Mutalib bagi membantu mencari jalan penyelesaian aduan awam.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada agensi- agensi yang terlibat iaitu, CMI Infrastructure, Selia Selenggara, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Melaka Tengah, SW Corp, TNB, Majlis Perbandaran Hang Tuan Jaya, Syarikat Air Melaka Berhad, Bank Negara Malaysia serta Unifi. Turut membuka kaunter aduan adalah jabatan-jabatan dalam MBMB.

Taklimat DuitNow perbankan atas talian oleh Bank Negara Malaysia turut diadakan khusus buat penganjur-penganjur pasar malam.

Terima kasih juga kepada Jabatan Perancangan Bandar bagi pameran Zon Bebas Kenderaan dan Perbadanan Bioteknologi Melaka untuk program saringan darah Cancer Marker serta pihak Milo dan Mamee yang memberikan makanan dan minuman secara percuma.

Semoga segala permasalahan dan aduan yang diterima dapat diselesaikan bagi memberi perkhidmatan terbaik dan efisien kepada warga Bandaraya.

Terima kasih semua!!!



PROGRAM ANDA KITAR, KAMI BAYAR (AKKB)



21 Oktober - Program Anda Kitar, Kami Bayar (AKKB) anjuran MBMB dengan kerjasama SWCorp, Life Line Clothing dan Meriahtek Sdn. Bhd. telah diadakan di Dataran Bandaraya, MBMB. Sebanyak 12 tan kg barangan kitar semula berjaya dikumpulkan pada hari ini. Jumlah ini bersamaan dengan RM 11,662.90. Kutipan pada kali ini telah mencatatkan angka tertinggi setakat tahun ini.

Pecahan kutipan barangan kitar semula adalah seperti berikut:

- Minyak 3,489 = RM 10,467.00
- Ewaste 880.1 kg = RM 175.20
- Fabrik 4,596 kg = RM 459.60
- Barangan 3R 3,193 kg = RM 561.10

Program ini telah mencapai beberapa aspek Matlamat Pembangunan Mampan atau 'Sustainable Development Goals' (SDG) iaitu Matlamat 11: 'Sustainable Cities and Communities', Matlamat 12: 'Responsible Consumption and Production', Matlamat 13: 'Climate Action', dan Matlamat 17: 'Partnership for the Goals'.

Turut hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB bagi meninjau keadaan sekitar program yang sedang berlangsung.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada warga Bandaraya Melaka, Pusat Transit Gelandangan Melaka dan semua yang terlibat serta anggota-anggota MBMB yang bersama-sama menjayakan program ini.

MAJLIS PERASMIAN SMART MOBILITY MBMB

12 Oktober - Majlis Perasmian *Smart Mobility* MBMB bersempena Smart Melaka International Conference and Expo 2023 telah berlangsung di Hall B, MITC, Ayer Keroh.

Majlis ini disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, bersama barisan dif-dif kehormat, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ahli-Ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Kali ini, Majlis Bandaraya menampilkan satu lagi produk Smart Mobility iaitu motosikal elektrik bagi kegunaan Penguatkuasa MBMB. Datuk Bandar juga membuat lawatan ke booth pameran di dalam dewan tersebut bagi melihat inisiatif *Smart City* daripada agensi lain.



TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DATARAN BANDARAYA MBMB

10 November - Satu lagi buah tangan MBMB untuk anda warga bandaraya Melaka! Taman Permainan Kanak-Kanak Dataran Bandaraya MBMB.

Kerja-kerja naiktaraf alat permainan ini telah dijalankan selama 12 minggu dan siap sepenuhnya pada 6 November 2023. Set permainan kanak-kanak ini juga mesra autism yang hipersensitif kepada sentuhan, pergerakan, penglihatan dan juga bunyian. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama Ahli-ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua

Jabatan dan Ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan serta anggota MBMB.

MBMB juga telah menaiktaraf landskap di median tengah Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh di mana kerja-kerja ini dilaksanakan oleh anggota Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya MBMB. Antara spesies pokok yang ditanam adalah pokok renek 2 spesies, iaitu *Loropetalum chinensis*, dan *Ehretia micropylla*, jenis conifer iaitu *Juniperus chinensis*, dan bunga anual *Marigold sp.* berwarna kuning dan oren.

MBMB telah bersedia menghadapi Tahun Melawat Melaka 2024!



SESI PEMBAHARUAN LESEN BECA BAGI TAHUN 2024

20 November - Sesi Pembaharuan Lesen Beca bagi Tahun 2024 telah diadakan di hadapan bangunan Perbadanan Muzium Melaka, Jalan Kota, Banda Hilir yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Abdul Razak bin Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya. Dalam majlis yang sama juga, Amanat TMM 2024 telah disampaikan beliau beserta penyampaian bahan promosi bagi Tahun Melawat Melaka 2024. Hadir sama, YB Datuk Hj. Zaidi bin Attan, Timbalan EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tuan SUPT Halim bin Abas, Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah dan En. Sa'ari bin Basiron, Pengurus Besar Bahagian

Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Datuk Bandar turut memberikan taklimat ringkas mengenai syarat-syarat lesen untuk pengayuh beca. Hadir sama, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua jabatan MBMB serta pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Pengayuh beca dikehendaki mematuhi syarat-syarat untuk pelesen beca dan memastikan kawalan bunyi hanya untuk didengar oleh penumpang sahaja dan tidak mengganggu orang awam.

MAJLIS PELANCARAN URBAN CLIMATE RESILIENCE PROGRAMME (UCRP), RESILIENT FOR COMMUNITIES (R4C)



21 November - Telah berlangsung Majlis Pelancaran Urban Climate Resilience Programme (UCRP), Resilient for Communities (R4C) di Hotel Casa Del Rio.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama, YB Datuk Hjh Kalsom binti Nordin, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Mr



David Nash, *Climate Change and Partnerships Senior Manager*, Z Zurich Foundation, Mr Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Malaysia, Pn. Nini Purwajati, *Senior Manager, Programs and Knowledge, Resilient Cities Network*, Clr. Abdul Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, Ahli-ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua jabatan dan Unit, serta Champions MBMB.

Turut diadakan, sesi penyerahan sijil daripada EXCO Kanan kepada Champions MBMB yang



terdiri daripada jabatan dalam MBMB.

Dua komuniti yang dipilih iaitu Kampung Morten dan Pantai Peringgat di mana kawasan yang berisiko bencana banjir serta panas melampau. Projek ini akan berlangsung selama 3 tahun dan masing-masing akan menerima pembiayaan daripada Yayasan Z Zurich.

Semoga program ini memberi manfaat kepada komuniti setempat!!!



MAJLIS APRESIASI MBMB 2023

29 Ogos - Majlis Apresiasi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah tahun 2023 telah diadakan bertempat di Hotel Holiday Inn.

Majlis ini dirasmikan oleh YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, Timbalan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Hadir sama YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital, SAC Md Nazri Bin Zawawi, Timbalan Ketua Polis Melaka, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan

Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim, dan Pengurusan Bencana.

Majlis ini bertujuan memberikan penghargaan di atas sumbangan dan sokongan pihak media dan Komuniti di samping menjalankan hubungan dua hala. Sebanyak 19 agensi media telah menerima wang sumbangan sebanyak RM500, sijil dan plak penghargaan.

MBMB juga turut memberi penghargaan kepada Komuniti yang aktif dan telah menyumbang kepada masyarakat berbentuk wang tunai sebanyak RM1,000.00 beserta sijil dan plak penghargaan iaitu:

- 1) Individu Prihatin :
YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem
- 2) Agensi Kerajaan :
PDRM, SW Corp, JKR Negeri Melaka

- 3) Usahawan dinamik :
Hj. Awal dan En. Salleh Mahmood
- 4) Komuniti Perumahan :
Taman Paya Rumput Perdana
- 5) Penggiat Pelancongan :
Jonker Walk, Baba dan Nyonya
- 6) Pencinta Alam Sekitar :
DZ Bless Trading (Tandas Petron)
- 7) Prihatin OKU :
Happy Charity Association
- 8) Agensi Swasta :
Mamee-Double Decker

Sijil penghargaan kepada 12 kontraktor Bandaraya penyayang serta 4 buah rumah penerima Program Cahaya Kasih turut diberikan pada malam tersebut.

SLOT SEJAHTERAKAN BANDARAYAKU DI MELAKA FM

Slot Sejahterakan Bandarayaku dengan kerjasama Melaka FM merupakan satu lagi inisiatif MBMB untuk lebih dekat dengan rakyat selain daripada mewartakan perkhidmatan yang diberikan oleh MBMB serta sebarang program dan aktiviti yang dijalankan terutama bagi mempromosikan Bandaraya Melaka ke arah bandaraya yang bersih dan indah untuk dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negeri Melaka. Untuk makluman pendengar semua, Slot Sejahterakan Bandarayaku ini akan bersiaran setiap sebulan sekali dan permulaannya adalah pada 24 Oktober yang lalu bersama YBhg. Datuk Hj. Shadan, Datuk Bandar MBMB dan seterusnya akan diikuti oleh ketua-ketua jabatan di MBMB secara bergilir.

Semoga warga bandaraya mendapat manfaat dengan info-info yang disalurkan di dalam slot ini.



Bersama Tn. Hj. Moahzam bin Asari, Pengarah Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya



HELLO... SIAPA DI SANA ? MBMB LER..

20 Oktober - Sesi Pengurusan Tertinggi YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar beramah mesra bersama pelanggan MBMB telah diadakan menerusi talian telefon . Ini merupakan satu lagi inisiatif MBMB dalam mendekatkan hubungan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan masyarakat.

Sebagai *third layer government* , PBT merupakan kerajaan yang paling dekat dengan rakyat. Ternyata pelanggan MBMB bertuah kerana dapat berhubung terus dengan YBhg. Datuk Bandar. Sesi ini telah diadakan di Bilik Datuk Bandar dan dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan , Pegawai-pegawai Kanan dan anggota MBMB. YBhg. Datuk juga sempat beramah mesra bersama telefonis MBMB.

HELLO... SIAPA DI SANA ? MBMB LER..



PERTANDINGAN JOM SELFIE & MENANG SEMPERNA TAHUN MELAWAT MELAKA 2024 ANJURAN MBMB

Pertandingan selfie ini adalah julung kali diadakan mulai 1 Ogos 2023 hingga 31 September 2023.

Sebanyak 20 penyertaan telah diterima dan sesi pemilihan pemenang telah diadakan pada 8 November yang lalu. Tiga panel juri yang mengadili terdiri daripada Clr. En. Abd Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB selaku Ketua Juri, Clr. Linesh Khandar A/L Babu @ Harshad Kumar , Ahli Majlis MBMB dan En. Iqmal Hakiem bin Rosman, Jurufoto daripada Melaka Hari Ini. Juri telah memilih 3 orang pemenang utama iaitu tempat pertama, kedua dan ketiga serta 10 pemenang saguehati.

Berikut adalah senarai pemenang pertandingan Jom Selfie dan Menang Sempena Tahun Melawat Melaka 2024:

- | | |
|--|---|
| TEMPAT PERTAMA :
Muhammad Syafiq | 10 HADIAH SAGUHATI :
Norhazizah Othman
Atie Atirah
MN Yusof
Cyfull Canon |
| TEMPAT KEDUA :
Ieraa Aqem | Juraidah Othman
Zju Ann Ibrahim
Dila Firash
Aira Adryan
@Mohd Azrin |
| TEMPAT KETIGA :
Syamilah Abdul Malik | |



ZIARAH KASIH YBHG. DATUK BANDAR MBMB

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB menyantuni warga kerja MBMB yang ditimpa masalah kesihatan seperti kanser, kemalangan jalan raya dan lain-lain masalah kesihatan. Ini merupakan satu usaha YBhg. Datuk Bandar dalam menyantuni warga kerja MBMB yang sedang sakit dan memerlukan bantuan bagi mengeratkan lagi hubungan anggota bawahan dan peringkat atasan. Turut hadir adalah Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya, Pegawai-pegawai Kanan MBMB, serta anggota-anggota MBMB. Semoga warga kerja MBMB sentiasa diberi kesihatan yang baik dan diberikan kesembuhan yang tiada sakit selepasnya.



Encik Khairul Nizam bin Sahak
Pekerja Rendah Awam
Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya



Encik Noor Azran bin Nordin
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan
Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandaraya



Encik Rosli bin Wahab
Pembantu Am Pejabat
Jabatan Infrastruktur Komuniti dan Logistik



Encik Johan bin Mohd Ale
Pembantu Am Pejabat,
Jabatan Teknologi Maklumat



Puan Anim binti Bani
Pembantu Tadbir
Jabatan Pelesenan Dan Pembangunan Perniagaan



Encik Mansor bin Sagap
Jabatan Infrastruktur Komuniti dan Logistik



Encik Muhammad Akmal Rahim Bin Sabaruddin
Jabatan Penguatkuasaan



Encik Fakhru Abadi bin Mat Zin
Jabatan Pengurusan & Sumber Manusia



Puan Siti Nurizan binti Jeni@Zaini
Jabatan Kejuruteraan



Encik Jamal bin Abu
Jabatan Kawalan Bangunan



Encik Syamsul bin Majid
Pemandu
Jabatan Pengurusan dan Sumber Manusia



Puan Nurhayati binti Mohd Solikan
Jabatan Kewangan



Encik Mohd Taufik bin Ibrahim
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



Puan Norazian binti Yusof
Unit Kawal Selia, Jabatan Landskap dan
Pengindahan Bandaraya



Encik Rostam bin Kasim
Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti



ANGGOTA PRIHATIN

20 Oktober - YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB telah menyampaikan sijil penghargaan kepada anggota MBMB yang telah mengharumkan nama MBMB di peringkat antarabangsa iaitu En. Hairul Rizuan bin Zahari kerana telah memenangi 3 pingat semasa Kejohanan 1st ITF Taekwondo World Games pada 8 hingga 10 September 2023 di Seoul, Korea.

MBMB juga turut menzahirkan penghargaan kepada anggota MBMB yang prihatin terhadap orang awam iaitu En. Mohamed Asiff bin Mohamed Amiz dan En. Mohd Khairul Anuar bin Salleh pada Perhimpunan Bulanan Pentadbiran MBMB yang dihoskan oleh Jabatan Kawalan Bangunan telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Tahniah dan syabas buat anggota MBMB!

ZIARAH KASIH SEMPENA SAMBUTAN HARI DEEPAVALI



10 November - Ziarah kasih sempena Sambutan Hari Deepavali telah diadakan di rumah pesara-pesara MBMB.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Linesh Khandar a/l Babu @ Harshad Kumar, Ahli Majlis MBMB, Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB serta Ketua-ketua Jabatan

turut serta dalam Ziarah Kasih ini.

Semoga dengan sedikit sumbangan dan ingatan daripada pihak MBMB ini, perayaan yang bakal disambut akan lebih bermakna dan meriah.

Happy Deepavali !

KURSUS MICROSOFT EXCEL

11 Julai - Kursus Microsoft Excel anjuran Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di Hotel Swiss Garden selama 2 hari bermula dari 10 Julai sehingga 11 Julai 2023.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah binti Mohammad dan En. Mohd Azran Mohd Salleh; Pensyarah Kanan UTEM. Peserta seramai 40 orang anggota dari kalangan Pembantu Tadbir Kanan dan Pembantu tadbir (kewangan) bagi setiap jabatan.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Puan Aznitah binti Ahmad; Timbalan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat MBMB.



KURSUS PRA PERSARAAN MBMB TAHUN 2023




28- 30 Julai - Kursus Pra Persaraan MBMB tahun 2023 telah diadakan di Asian Hotel Hatyai , Songkhla . Kursus ini telah dihadiri oleh Pengarah Pengurusan dan Sumber Manusia, Pn. Hjh. Siti Fariza binti Salim , pegawai-pegawai kanan MBMB dan anggota MBMB yang bakal bersara pada tahun ini. Ceramah telah disampaikan oleh En. Muhammad Hasyir bin Sunoto daripada Kumpulan Wang Amanah Pesara. Kursus tersebut berkisar mengenai faedah persaraan dan terbitan. MBMB juga telah membawa anggota bakal pesara ke tempat-tempat menarik di sekitar Hatyai.

KURSUS PENSIJILAN PROFESIONAL : REKABENTUK HIJAU DAN NATURE-BASED SOLUTION (NBS) OLEH UNIVERSITY OF BOLOGNA, ITALY

25 - 26 Julai - Kursus Pensijilan Profesional : Rekabentuk Hijau dan Nature-Based Solution (NBS) oleh University of Bologna, Italy. Kursus ini dijalankan di atas talian kepada Pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, di mana ianya salah satu pengisian di bawah program International Urban and Regional Cooperation (IURC) Jalinan Kerjasama di antara Bandar Bologna dan Bandar Melaka.

Antara tajuk sesi perkongsian tersebut adalah :

- 1) The importance of biodiversity in urban ecosystems daripada Professor Aleesandro Chiarucci
- 2) Virtual visit to the Santerno River oleh Valerio Morabito dan Marino Cavallo
- 3) Water infrastructure : ecosystem services and resilient strategies oleh Rossano Bolpagni.
- 4) The ecology of landscape design





SESI SERAH MILIK DAN LATIHAN BAGI SISTEM VIRTUAL ENERGY MANAGER (VEM) BANGUNAN GRAHA MAKMUR

8 Ogos - Sesi Serah Milik dan Latihan bagi Sistem Virtual Energy Manager (VEM) Bangunan Graha Makmur yang bertempat Auditorium MBMB. Sesi pada hari ini dihadiri oleh anggota teknikal daripada Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Teknologi Maklumat MBMB, dan juga rakan Teknologi MBMB iaitu TNB Research dan TNB. Sistem VEM ini merupakan salah satu komponen di dalam inisiatif

MBMB Bandaraya Lestari & Pintar di bawah Jawatankuasa Pintar dan Rendah Karbon MBMB.

VEM ini merupakan langkah transformasi digital bagi memantau dan melaporkan secara 'real-time' penggunaan tenaga, penjana solar, GHG 'emission', data analisis, dan pengurusan tenaga yang efektif bagi bangunan Graha Makmur.

Objektif utama projek ini adalah mengurangkan GHG 'emission' melalui pengurangan tenaga elektrik, menggunakan 'clean energy' dari sumber tenaga boleh diperbaharui iaitu solar dan mencapai status Bandar Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2035. Projek ini dilaksanakan secara berfasa dan akan melibatkan beberapa buah bangunan MBMB yang lain.

BENGKEL PEMERKASAAN CHAMPION DAN SESI LIBAT URUS URBAN CLIMATE RESILIENCE PROGRAMME (UCRP-R4C)

31 Oktober - Bengkel Pemerksaan Champion dan Sesi Libat Urus Urban Climate Resilience Programme (UCRP-R4C) telah diadakan di Auditorium MBMB.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi membina kapasiti dan kepakaran dalam kalangan anggota MBMB yang dilantik sebagai langkah persediaan program yang akan berlangsung bagi tempoh 3 tahun sehingga April 2026.

Champion diberikan pendedahan mengenai The Climate Resilience Measurement for Communities (CRMC) sebagai panduan mengatasi risiko bencana banjir dan strok haba. Sesi ini turut

disertai delegasi daripada Resilient Cities Network, Z Zurich Foundation, Urban Scale selaku perunding dan rakan pelaksana bagi menjayakan program ini.

Turut berlangsung sesi penyampaian sijil kepada Champion UCRP yang telah disampaikan oleh Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB diiringi oleh TPr. Zuhaila binti Ahmad Zubel, Pengarah Perancangan Bandar MBMB. Seramai 22 orang champion yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kanan MBMB.

Semoga program ini berjaya menjadi perintis dan memanfaatkan komuniti yang dipilih.



KEJOHANAN BOLING TENPIN MAKSAK

20 Ogos - Tahniah diucapkan kepada Muhammad Saman bin Mohammad Shuib, anggota daripada Jabatan Pengurusan Korporat dan Komuniti kerana telah merangkul naib johan dalam Kejohanan Boling Tenpin MAKSAK di Mega Mall Bowling Centre, Seberang Perai, Pulau Pinang.

Syabas dan tahniah kerana telah mengharumkan nama MBMB!!!



KEJOHANAN DART 3 SEPASUKAN PIALA DATUK BANDAR 2023

22 Julai - Kejohanan Dart 3 Sepasukan Piala Datuk Bandar 2023 sempena Sambutan Bandaraya Warisan Dunia UNESCO dan Tahun Melawat Melaka 2024 telah melabuhkan tirainya. Kejohanan yang berlangsung selama 2 hari ini bermula dari 21 Julai 2023 bertempat di Dewan Ballroom, Stadium Hang Jebat. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Clr. En. Abd. Razak bin Abu, Ketua Ahli Majlis MBMB. Hadir sama Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua Jabatan MBMB, Pegawai-pegawai Kanan dan anggota MBMB.

Tahniah kepada semua 'darters' !!!



KEJOHANAN BOLA TAMPAR PENGUATKUASA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) MELAKA

26 September - Kejohanan Bola Tampar Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Melaka telah diadakan di Kompleks Belia dan Sukan, Ayer Keroh, Melaka.

Pasukan D'Enforcer MBMB sebagai tuan rumah telah menjadi Johan pada kejohanan kali ini. Majlis Perasmian Kejohanan ini telah disempurnakan oleh Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB.

Semoga kejohanan dan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi mengeratkan lagi hubungan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka selain menjadikan amalan gaya hidup sihat.

Tahniah dan terima kasih semua yang terlibat.





MESYUARAT AGUNG TRITAHUNAN ANULAE CAWANGAN MELAKA TAHUN 2023

28 Ogos - Mesyuarat Agung Tritahunan ANULAE Cawangan Melaka tahun 2023 telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB dan turut dihadiri oleh Dato' Hj. Adnan bin Mat, Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia merangkap Presiden CUEPACS Malaysia, serta En. Ahmad Letfi bin Saad, Timbalan Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia dan Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB.

Anggota MBMB yang merupakan ahli ANULAE hadir semasa mesyuarat diadakan dan Program Cabutan Bertuah juga turut diadakan setelah mesyuarat selesai dijalankan.



MESYUARAT AGONG DWI TAHUNAN KELAB SUKAN



29 Ogos - Mesyuarat Agong Dwi Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan MBMB Ke-55 telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB dan turut hadir Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha MBMB merangkap Presiden KESUMA serta ahli-ahli KESUMA.

Usul dan penyata tahunan dibentangkan dan pemilihan Naib Presiden serta 20 orang ahli jawatankuasa KESUMA yang baharu bagi tempoh 2023-2024 telah diadakan semasa mesyuarat berlangsung.



KURSUS PEMANTAPAN KEPADA FASILITATOR, JAWATANKUASA DAN KETUA ZON EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MBMB

10 Oktober - MBMB telah menganjurkan Kursus Pemantapan kepada Fasilitator, Jawatankuasa dan Ketua Zon Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MBMB bagi memberi pendedahan dan kefahaman yang mendalam terutama pada sesi pengauditan nanti.

Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Rohana binti Alias, Champion EKSA daripada Jabatan Ketua Menteri Melaka.

'Persekitaran Kondusif, MBMB Proaktif'



PROGRAM AUDIT DALAMAN EKSA

20 November - Program Audit Dalam EkSA diadakan bermula pada 20 hingga 23 November 2023. Audit Dalam EkSA perlu dilaksanakan 2 kali dalam tempoh 6 bulan bagi persediaan Audit EkSA oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Telah berlangsung pengauditan di semua zon EKSA MBMB di mana melibatkan seramai 25 orang

auditor dan sebanyak 21 Zon.

Mesyuarat Penutup Audit Dalam EkSA telah diadakan di Anjung Makmur, MBMB. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tn. Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya MBMB dan dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan dan Unit, Pegawai-pegawai Kanan serta barisan auditor

dalam MBMB.

Tahniah kepada semua jabatan yang mengamalkan EKSA secara konsisten. Persekitaran Kondusif, MBMB Proaktif. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



CERAMAH AGAMA BULANAN MBMB

Bagi mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat, Kelas Agama dan Motivasi MBMB mengadakan ceramah agama bulanan MBMB dengan menjemput ustaz-ustaz yang berkenaan bagi menyampaikan tazkirah atau ceramah agama sebagai halwa telinga dan panduan hidup. Semoga dengan ceramah agama ini sedikit sebanyak ilmu yang disampaikan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.



Penceramah : Al-Fadil Ustaz Hj. Che Zamzam bin Che Man
Tajuk : 4 Janji Allah Kepada Hambanya



Penceramah : Al-Fadil Ustaz Muhammad Firdaus bin Tubari
Tajuk : "Harta Tiket Ke Syurga"



Penceramah : Ustaz Muaz bin Abd Hadi
Tajuk :TAUFAN AL-AQSA



Tarikh : 24 November 2023 (Jumaat) Masa : 9.00 pagi Tempat : Auditorium
Penceramah : Ustaz Mohd Zawawy bin Zainal Khan
Tajuk : Demi Masa

PERSARAAN ANGGOTA MBMB

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Tn. Azahar bin Hj. Mohamed di atas jasa dan khidmat bakti sepanjang menjalankan tugas sebagai Setiausaha Bandaraya MBMB dan Ts. Hj. Noramirul Nizam bin Kamis di atas jasa dan khidmat bakti sepanjang menjalankan tugas sebagai Pengarah Kesihatan Persekitaran, MBMB. Tn. Azahar bin Hj. Mohamed telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd. manakala Tn. Ts. Noramirul Nizam bin Kamis sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka. Tahniha dan selamat menjalankan tugas.



Setinggi-tinggi tahniha dan jutaan terima kasih buat anggota-anggota MBMB yang telah bersara dan tamat kontrak perkhidmatan. Jasa mereka tidak akan luput dari ingatan dalam memacu perkhidmatan MBMB ke arah yang lebih baik dan bersama-sama berganding bahu bagi memastikan keperluan pemegang taruh dan warga bandaraya tercapai dan lebih konsisten. Semoga mereka dikurniakan kesihatan yang baik dan berjaya dalam bidang mahupun hobi yang baru setelah bersara.



Nama : Tuan Hj. Mohd Jamili bin Abdul Rahim
Jawatan : Timbalan Pengarah
Jabatan : Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan
Tempoh berkhidmat : 5 tahun 6 bulan (MBMB)
16 tahun (MPAG)



Nama : Puan Hj. Siti Fariza binti Salim
Jawatan : Pengarah
Jabatan : Pengurusan Dan Sumber Manusia
Tempoh berkhidmat : 30 tahun



Nama : Encik Mohd Shariff bin Abdul Samad
Jawatan : Pembantu Kemahiran
Jabatan : Landskap dan Pengindahan Bandaraya
Tempoh berkhidmat : 27 tahun 2 bulan



Nama : Encik Mohd Hashim bin Abd Kadir
Jawatan : Pembantu Awam (H11)
Jabatan : Kesihatan Persekitaran
Tempoh berkhidmat : 24 Tahun



Nama : Encik Mohd Nasir bin Hussin
Jawatan : Pemandu Kenderaan
Jabatan : Pengurusan dan Sumber Manusia
Tempoh berkhidmat : 23 tahun 11 bulan



Nama : Encik M. Gavdhaman A/L K. Muragesu
Jabatan : Landskap dan Pengindahan Bandaraya
Tempoh berkhidmat : 24 tahun 01 bulan



Nama : Encik Hishamudin bin Jalal
Jabatan : Kejuruteraan
Tempoh Berkhidmat : 29 tahun 2 bulan



Nama : Puan Hamidah binti Wahab
Jabatan : Pelesenan & Pembangunan Perniagaan
Tempoh berkhidmat : 41 tahun 5 bulan



Nama : Encik Zaini bin Shariff
Jabatan : Infrastruktur, Komuniti & Logistik
Tempoh berkhidmat : 24 tahun 3 bulan



Nama : Puan Rahimah binti Jantan
Jabatan : Pengurusan Korporat & Komuniti
Tempoh berkhidmat : 10 tahun 2 bulan

OPERASI BERKALA PREMIS PERNIAGAAN MELIBATKAN PEKERJA WARGA ASING

14 Julai 2023 – Dalam Operasi ini, Sebanyak 13 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Antara kesalahan yang telah dilakukan adalah seperti Halangan Tempat Awam di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta 133, Langgar Syarat Lesen di bawah UUK Pelesenan Tred MBMB 2010, Mempamerkan Iklan Tanpa Lesen di bawah UUK Iklan MBMB 2010 & Menjalankan Aktiviti Kedai Makan Tanpa Lesen di bawah UUK Pelesenan Petempatan Makanan MBMB 2020.

Operasi telah dijalankan di dua buah lokasi di sekitar Plaza Melaka Sentral dan Taman Melaka Raya Melaka. Operasi yang bermula pada pukul 3.00 petang dan tamat pada pukul 5.00 petang.



OPERASI BERKALA PEMBERSIHAN DAN PEMINDAHAN HALANGAN BARANG PERNIAGAAN DI TEMPAT AWAM, RUMAH-RUMAH URUT, RESTORAN & PUSAT HIBURAN



15 Julai 2023 – Sebanyak 6 buah lokasi telah dikenalpasti di mana pemilik meninggalkan barang selepas tamat berniaga dan gagal hadir ke pejabat MBMB serta tidak mematuhi arahan notis yang telah dikeluarkan.

Pihak Penguatkuasaan MBMB juga telah membuat pemeriksaan keatas 27 buah premis disekitar kawasan Taman Melaka Raya, Ujong Pasir, Kota Laksamana Jaya dan Kota Syahbandar. Sebanyak 22 Notis Pemberitahu Kesalahan dan 12 Notis Untuk Tindakan telah dikeluarkan keatas premis – premis yang melakukan kesalahan.



Antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah tidak mempunyai lesen perniagaan, mempamerkan iklan tanpa lesen & iklan berlogo minuman keras, tiada lesen hiburan dan langgar syarat lesen tempat-tempat hiburan (lebih masa) Operasi yang bermula jam 9.00 malam dan tamat pada jam 4.00 pagi.

OPS JABATAN PENGUATKUASAAN HASIL

24 Oktober - Jabatan Penguatkuasaan Hasil, MBMB telah melaksanakan tindakan kutipan cukai taksiran dari rumah ke rumah pada setiap minggu dan tindakan sitaan juga diteruskan terhadap premis-premis yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi dan yang lampau yang masih belum dijelaskan kepada MBMB. Operasi telah diketuai oleh Puan Nurhayati Binti Ismail, Pengarah Penguatkuasaan Hasil bersama-sama 16 orang anggota yang terdiri daripada Penolong Pegawai Penilaian, Bailif dan penguatkuasa.

Orang ramai dinasihatkan supaya membayar segera tunggakan cukai taksiran yg masih belum dibayar dengan kadar segera.

